

20/10/1997

Dr Siti Hasmah terima anugerah

KUALA LUMPUR, Ahad - Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali malam ini dianugerahkan Zamalah Kehormat Kedokteran Keluarga oleh Akademi Kedokteran Keluarga Malaysia sempena mesyuarat agung tahunan dan konvokesyen akademi itu.

Anugerah itu sebagai menghargai sumbangan beliau dalam bidang pendidikan perubatan di Malaysia.

Dalam ucapannya pada majlis itu, Dr Siti Hasmah meminta doktor keluarga menekankan kepentingan etika di samping memastikan kecekapan dan kemahiran dalam rawatan perubatan.

Sementara itu, dalam ucapan pada buku cenderamata yang diedarkan, Dr Mahathir meminta doktor keluarga memaksimumkan penggunaan sumber yang terhad bagi menawarkan rawatan kesihatan yang terbaik kepada rakyat di negara ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan dan rakyat mengharapkan doktor keluarga menawarkan khidmat perubatan yang bermutu tinggi.

"Kemajuan teknologi perubatan dan perubahan yang tidak dapat dielakkan dalam rawatan kesihatan menyebabkan doktor keluarga memiliki peranan utama dalam penjagaan kesihatan," katanya.

Zamalah Kehormat bagi tahun 1995/96 itu juga dianugerahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, Perdana Menteri tidak dapat hadir ke majlis itu. Isterinya, Dr Siti Hasmah juga memohon maaf dalam ucapannya kerana Perdana Menteri tidak dapat hadir berikutan diserang selesema.

Turut hadir pada majlis itu ialah Raja Perlis, Tuanku Syed Putra Tuan Syed Hassan Jamalullail dan Raja Perempuan Perlis, Tunku Budriah Tunku Ismail.

Beberapa pakar kesihatan lain yang menerima anugerah itu bagi 1996/97 malam ini ialah Tan Sri Mohd Noordin Hassan dan Datuk Dr Lim Kee Jin.

(END)